

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019

SOALAN NO. 423

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca dan kesan insiden kegagalan rangkaian dan gangguan sistem di KLIA serta perkembangan siasatan kes tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 21 hingga 30 Ogos 2019, infrastruktur rangkaian lapangan terbang (*Airport Network Infrastructure*) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan ini telah melumpuhkan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) di KLIA yang menjejaskan operasi utama lapangan terbang. TAMS merupakan sistem pengurusan lapangan terbang bersepadu yang diintegrasikan dengan majoriti komponen sistem maklumat berelektronik di lapangan terbang yang dihubungkan melalui kabel optik fiber berkelajuan tinggi.

2. Insiden kegagalan rangkaian TAMS di KLIA telah menyebabkan gangguan kepada beberapa komponen sistem maklumat berelektronik seperti Sistem Pengendalian Bagasi (BHS), Sistem Paparan Maklumat Penerbangan (FIDS), Sistem Imigresen dan Kastam, dan Sistem Pengurusan Bangunan (BMS). Ini menyebabkan berlakunya pembatalan

dan kelewatan penerbangan, kelewatan penerimaan dan penghantaran bagasi serta kesesakan.

3. Susulan insiden tersebut, Kementerian Pengangkutan pada 28 Ogos 2019 telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Kementerian Bagi Menyiasat Isu Kegagalan Total Airport Management Systems secara pentadbiran. Tujuan utama penyiasatan dilaksanakan adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca sebenar kegagalan rangkaian TAMS di KLIA bagi mengelakkan insiden yang sama berlaku pada masa hadapan. Penyiasatan yang dijalankan tidak bertujuan untuk membuktikan kesalahan atau liabiliti (*not for the purpose to apportion blame or liability*) kepada mana-mana pihak.

4. Hasil siasatan yang dijalankan, kegagalan rangkaian TAMS adalah disebabkan oleh kegagalan Rangkaian Suis Teras (*Core Network Switches*) untuk berfungsi dan ketidakupayaan untuk memisahkan rangkaian suis teras tersebut. Suis teras tersebut telah pun beroperasi semenjak KLIA beroperasi pada tahun 1998 dan tidak diganti. Suis teras adalah merupakan suis yang menghubungkan kesemua rangkaian sistem di KLIA.

Sekian, terima kasih.